

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

**JKA 213 – Ketidaksamaan Sosial**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B. Jawapan hendaklah dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

**BAHAGIAN A : Soalan Struktur ( 40 Markah)**

**ARAHAN:** Jawab semua soalan.

1. Huraikan tiga konsep ketidaksamaan berikut:
  - (a) kuasa
  - (b) status
  - (c) kelas

(15 markah)
  
2. Bandingkan perbezaan pandangan Plato dan Aristotle dalam menilai pembentukan ketidaksamaan sosial di kalangan masyarakat.

(15 markah)
  
3. Jelaskan jenis-jenis mobiliti sosial yang terbentuk dalam sesebuah masyarakat.

(10 markah)

**BAHAGIAN B: Soalan Esei (60 markah)**

**ARAHAN:** Jawab mana-mana dua soalan.

4. Dalam model evolusi masyarakat, ketidaksamaan sosial telah berubah melalui empat tahap dalam sejarah. Huraikan tahap-tahap tersebut.

(30 markah)
  
5. Huraikan unsur-unsur ketidaksamaan yang membentuk ketidaksamaan sosial di kalangan masyarakat.

(30 markah)
  
6. Pada pandangan anda, sejauhmanakah perubahan struktur pekerjaan dan perkembangan pendidikan mengakibatkan mobiliti sosial di kalangan masyarakat maju.

(30 markah)